

Khidmat lebih penting

Oleh NORAINI ABD. RAZAK
(WARTAWAN UTUSAN)

u.m 19/01/08 MR 10

KERAJAAN Barisan Nasional (BN) masih mempunyai mandat yang panjang iaitu sehingga 21 Mac tahun depan untuk menerajui tampuk pemerintahan di negara ini.

Namun cakap-cakap mengenai kemungkinan pilihan raya umum ke-12 akan dilangsungkan dalam masa yang terdekat semakin kuat kedengaran.

Bahang pilihan raya juga semakin terasa apabila parti pemerintah dan parti pembangkang masing-masing mengumumkan telah bersiap sedia untuk menghadapi pilihan raya pada bila-bila masa.

Yang pasti pelbagai petunjuk memberi gambaran yang jelas bahawa pilihan raya akan diadakan dalam masa terdekat. Paling tidak sekurang-kurangnya dua bulan lagi atau sebelum pertengahan tahun ini.

Baik jentera parti komponen Barisan Nasional (BN) mahu pembangkang, semuanya diletakkan dalam keadaan bersiap sedia, sementelah persiapan mengenai nainya pasti telah bermula sebaik sahaja keputusan pilihan raya 2004 diumumkan.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) memperuntukkan sebanyak RM200 juta untuk mengendalikan pilihan raya dan segala persiapan juga telah dibuat - hanya menunggu masa untuk melihat rakyat membuang undi sekali lagi.

Analisis pilihan raya ke-11 itu semestinya menjadi sandaran utama kepada parti-parti yang bertanding untuk memastikan kesilapan yang dilakukan ketika itu tidak berulang.

Dan formula yang mendorong kemenangan setiap calon pula akan dimantapkan supaya kelak kerusi-kerusi di kawasan berkenaan tidak jatuh ke tangan parti lawan.

Biarpun wujud beberapa insiden mutakhir ini seperti demonstrasi oleh kumpulan yang menggelarkan diri sebagai Hindraf dan Bersih namun ia sama sekali tidak mencacatkan persediaan pilihan raya.

yang semakin mengukuh menguatkan lagi keyakinan pelbagai pihak bahawa ini adalah masa yang terbaik untuk Parlimen dibubarkan.

Bagi banyak pihak inilah masanya untuk kerajaan menyerahkan kepada rakyat membuat penilaian sejauh mana kerajaan yang dipilih pada 2004 telah melaksanakan janji-janji untuk memajukan negara dan membangunkan masyarakat.

Tiga pilihan raya kecil iaitu di Batu Talam, Machap dan Ijok memberi petunjuk apa sebenarnya isu yang diterima oleh rakyat, dalam erti kata lain apakah isu yang boleh menawan hati rakyat.

Cubaan untuk mencetuskan isu perkauman misalnya semasa pilihan raya kecil di Ijok ternyata ditolak keras oleh rakyat, namun tidak bermakna tiada cubaan oleh parti pembangkang untuk menutup isu tersebut.

Sebab itu Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengajak pelbagai pihak di negara ini agar mengelakkan amalan pengundian secara perkauman dalam menghadapi pilihan raya umum yang bakal dilangsungkan.

Saranan itu tidak lain tidak bukan bertujuan memastikan keamanan serta kestabilan negara terus terjamin dan rakyat dapat hidup aman damai.

Kebimbangan

Kebimbangan Najib itu amat jelas kerana trend politik pembangkang kebelakangan ini condong kepada cubaan meniup api perkauman dalam usaha menarik sokongan rakyat terhadap perjuangan mereka.

Ketua Program Sains Politik Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Madya Mohammad Agus Yusoff diajak membincangkan perihal politik perkauman.

"Kita memang tidak dapat lari daripada memperkatakan tentang politik perkauman apabila dihubungkan dengan pilihan raya.

"Ini kerana pola pengundian di negara kita sendiri adalah berasaskan kaum, oleh



PARA pengundi kini semakin matang memilih calon yang boleh berkhidmat untuk rakyat walaupun berlainan kaum dan agama.

- Gambar hiasan

Begitu juga dengan isu-isu kenaikan harga barang keperluan harian, masalah bekalan minyak masak yang tidak mencukupi serta kenaikan tol biarpun dilihat menjadikan kerajaan sedia ada tidak popular namun ia bukan bererti pilihan raya tidak boleh dilangsungkan dalam masa terdekat.

Malah isu-isu seumpama itulah yang digemari oleh parti pembangkang dan dijadikan modal besar semasa kempen-kempen pilihan raya. Belum pun tarikh pilihan raya ditetapkan pembangkang misalnya telah menampilkan diri dan menawarkan janji untuk menurunkan harga minyak jika mereka berkuasa kelak.

Kedengaran tidak masuk akal, tetapi itulah modal politik biarpun agak janggal bunyinya namun tiada kejanggalan ketika janji-janji seumpama itu dibentangkan asalkan ia enak didengar.

Sebaliknya beberapa perkembangan positif terutama dari sudut pencapaian ekonomi yang memberangsangkan, catatan rekod tertinggi Indeks Komposit Kuala Lumpur (IKKL) serta nilai ringgit

itu kecenderungan untuk membangkitkan isu perkauman memang ada," katanya ringkas.

Namun Mohammad Agus yakin pengundi-pengundi di Malaysia semakin matang dan bijak membuat penilaian sambil menegaskan bahawa amalan pengundian secara perkauman tidak lagi mendapat tempat.

Dilihat menerusi mata kasar, sebuah negara pelbagai kaum seperti Malaysia tidak dapat mengelak isu perkauman biarpun bukan ketika pilihan raya hendak dilangsungkan.

Namun beliau percaya senario itu telah berubah dan ia terbukti apabila calon berlainan bangsa dengan majoriti penduduk setempat diletakkan di situ, sokongan rakyat masih berjaya diraih.

Itu petanda kematangan rakyat jika diukur daripada kebijaksanaan menilai apa sebenarnya isu yang boleh menguntungkan mereka dan semestinya isu perkauman jika dibangkitkan hanya merugikan banyak pihak.

Beliau melihat isu Hindraf sebagai contoh yang amat jelas serta mudah

Isu-isu utama yang diperjuangkan oleh rakyat adalah berkaitan 'politik perut' dan bukannya lagi yang berbau perkauman kerana layanan kerajaan terhadap semua kaum adalah sama rata dan ia amat jelas

difahami. Biarpun perihal rakyat berketurunan India di negara ini yang kononnya tidak dilayan sama rata oleh kerajaan cuba diketengahkan, namun ia gagal meraih sokongan padu daripada kaum tersebut.

Malah, munculnya pihak tertentu yang semestinya ingin menjadi hero masyarakat India dilihat oleh kaum tersebut sebagai mempunyai agenda yang berlainan dan bukannya untuk membela nasib mereka.

Mohammad Agus membentangkan pendapatnya mengenai isu-isu yang mendapat perhatian rakyat biar siapa pun pemimpin yang diletakkan sebagai calon.

"Isu-isu utama yang diperjuangkan oleh rakyat adalah berkaitan 'politik pe-

rut' dan bukannya lagi yang berbau perkauman kerana layanan kerajaan terhadap semua kaum adalah sama rata dan ia amat jelas," katanya.

Justeru, katanya, pemimpin yang memperjuangkan hak serta kebajikan rakyat akan menjadi pilihan utama tanpa mengira apa bangsanya.

Manakala pemimpin yang mementingkan diri sendiri biarpun ia sebangsa dengan pengundi majoriti di sesuatu kawasan pada bila-bila masa akan ditolak.

Yang pasti pilihan raya ke-12 adalah putaran proses untuk rakyat menilai sejauh mana pemimpin yang dipilih sebelum ini telah membawa kebaikan kepada rakyat tidak kira dari konteks politik, ekonomi mahupun sosial.